

14/02/2004

Oriental Village permata baru Langkawi

Roslen Fadzil

SUATU ketika dulu, ia boleh dianggap sebagai daerah yang begitu terpencil di Langkawi. Namun selepas 'Sumpahan Mahsuri' berakhir, kawasan yang terperuk itu kini mula berubah wajah malah bertukar menjadi sebuah tempat pelancongan yang begitu cantik dan mempesonakan.

Itulah Oriental Village Langkawi (OVL) - 'perkampungan rekreasi' terbaru yang terbentang megah antara kaki Gunung Machinchang dan Teluk Burau.

Dengan kos pembinaan kira-kira RM38 juta, pusat pelancongan yang dibangunkan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan kemudian diserahkan kepada anak syarikatnya, LADA Eco-Tourism Sdn Bhd, ini menggabungkan ciri-ciri taman, tempat makan serta bazar beli-belah yang sungguh unik.

Lebih istimewa, OVL terletak bersebelahan stesen kereta kabel Langkawi yang kini menjadi tumpuan pelancong dari segenap pelosok dunia.

Sebaik saja melangkah masuk ke OVL yang seluas 14.6 ekar, pengunjung pasti terpegun dengan panorama alam semula jadi yang menyempadani taman rekreasi ilham rasa bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, itu.

Suasana menghijau berlatarbelakangkan hutan dan Banjaran Machinchang sendiri sudah menghadihkan sebuah lukisan semula jadi yang tidak tolok bandingan bagi halwa mata.

Mengalih pula pandangan kepada tasik buatan manusia di tengah OVL, kita pasti akan berasa tenang melihat kelopak teratai dan kiambang terapung-apung di permukaan airnya yang jernih menghijau. Dari jauh sudah kelihatan jambatan merah Sakura Bridge yang kukuh dan cantik.

Sambil mengambil angin di pelantar kayu berhampiran tasik, cuba lontarkan secubit roti ke permukaan air. Lihatlah nanti gelagat ikan kap pelbagai rona muncul di permukaan air memagut cebisan makanan yang anda lontarkan itu.

Difahamkan, air tasik berkenaan dialirkan dari air terjun Telaga Tujuh yang sudah terkenal dengan kisah mitosnya di pulau itu sejak zaman berzaman. Andai kata bernasib baik, anda juga dapat melihat helang dan enggang liar terbang melintas ke kawasan hutan berhampiran.

Melengkapkan lagi keunikan OVL, arkitek terbabit turut meminjam seni bina Jepun, Thailand, China, Melayu dan Mediterranean. Ini jelas terpampang pada beberapa restoran yang tersergam indah di tepian tasik.

Empat tempat makan utama disediakan jika perut terasa lapar iaitu Mizumi Japanese Restaurant, Krathong Thai Restaurant, Fook Look Restaurant dan Restoran Seri Melayu. Selain itu, kelihatan juga OVL Foof Court yang menyajikan bermacam juadah lazat dengan harga ekonomik untuk seisi keluarga.

Pengarah Urusan LADA Eco-Tourism, Yazid Jais, berkata selepas siap dibina dan seterusnya dibuka kepada umum pada awal 2000, OVL sudah menerima kunjungan ribuan pelancong tempatan dan luar negara.

"Teluk Burau dan Pantai Kok kini tambah meriah sejak adanya pelbagai pembangunan rekreasi terutama Oriental Village dan kereta kabel. Dulu pelancong hanya berkunjung ke sini sama ada untuk bersantai di resort lima bintang atau berkelah di Telaga Tujuh.

"Bagi kemudahan pelancong di Oriental Village juga, pihak kami baru saja menyiapkan Oriental Inn yang menyediakan 30 bilik penginapan dengan harga berpatutan. Ia mula beroperasi sepenuhnya bulan depan," katanya kepada i-Kon.

* LOKASI

Oriental Village Langkawi

Jalan Telaga Tujuh
Teluk Burau, Langkawi.
Tel: 04- 9593099/ 1317
Waktu dibuka: 9 pagi - 10 malam
Masuk percuma